## "Saranan baik utk elak drpd di-salahgunakan"

# Ramai sokong pembiakan seni silat di-kawal ketat

22 NOV 1972

**SINGAPURA, Selasa**

RAMAI badan2 seni mempertahankan diri di-sini mengalu2kan saranan agar kawalan2 tertentu di-kenakan kapada pertumbohan seni silat supaya ia tidak merugikan orangramai.

Mereka berpendapat bahawa pertumbohan kelab2 pertahanan diri oleh penganjor2 yang berniat untok mendapat keuntongan wang yang banyak dari seni itu, boleh menjejas taraf seni itu "dan menjadi perachun kapada masharakat."

"Sa-suatu chorak kawalan perlu diadakan segera kerana jika tidak akan bertambah ramai-lah orang2 yang tidak bertanggongjawab dan jahat menyusup masok untok mempelajari seni itu," kata mereka.

Badan2 yang melahirkan persetujuan sa-bulat suara itu ada-lah badan2 yang mengendalikan kursus2 seni silat gayong, seni silat Karate dan Taekwondo.

Mereka berkata demikian sa-bagai mengulas hujjah2 yang di-buat oleh Setiausaha Kanan Parlemen kapada Kementerian Kebudayaan, Enche Sha'ari Tadin pada hari Juma'at lalu.

Ketika beruchap dalam pertunjokan Seni Silat Antarabangsa anjoran PASAK di-Panggong Negara, Enche Sha'ari berkata:

"Beberapa jenis seni silat di-Singapura mungkin terlalu di-perdagangkan. Siapa sahaja boleh membuka sekolah seni silat.

"Ini bermakna tidak ada kawalan tentang orang2 yang hendak mempelajari-nya. Jika anasir2 anti-sosial di-benarkan mempelajari seni itu, maka undang2 akan menjadi payah hendak dikuatkuasakan dan kejadian2 jenayah akan bertambah banyak."

### Tujuan2

Setiausaha agong Persatuan Persuratan Pemuda Pemudi Melayu (4PM), Enche Ahmad Thani berkata: "Seni silat ada-lah satu chabang seni yang murni yang harus di-jaga oleh penganjor2-nya.

"Akan tetapi sa-kira-nya seni ini dapat di-pelajari oleh orang2 yang berniat jahat, maka kemurnian-nya boleh terjejas apabila ia di-salahgunakan.

22 NOV 1972

"Sunggohpun tidak ada undang2 yang ketat mengawal seni itu, kelab2 yang menganjorkan-nya mesti-lah meneliti ahli2-nya sa-lain dari mengajar kesenian itu."

Dia menyatakan bahawa disiplin dan tata tertib dalam seni itu mesti-lah di-utamakan dan mereka yang tidak mematohi-nya harus di-singkirkan dari mejadi anggota.

Enche Ahmad berpendapat bahawa langkah ini ada-lah perlu meskipun undang2 yang ketat belum lagi di-kenakan. Ini ada-lah kerana jika undang2 itu di-kenakan, sa-tengah2 kelab pertahanan diri mungkin akan terasa diri-nya "terkongkong."

Dia bagaimanapun menambah bahawa persatuan-nya yang ada mengendalikan satu kursus seni silat dalam kegiatan2-nya, tidak membantah jika undang2 mengawal penyalahgunaan seni itu di-kemukakan.

"Sa-benar-nya, kami tidak berasa bimbang sa-kira-nya undang2 saperti itu di-kenakan, malahan kami mengalu2kan-nya," kata setiausaha agong PERWANIT, Enche Johari Uriff.

### Undang2

Kata Enche Johari, "Sunggohpun tidak ada undang2 ketat di-kemukakan sa-jauh ini, persatuan2 seni silat terpaksa mematohi peratoran2 yang di-kenakan oleh Pejabat Pendaftar Persatuan.

"Peratoran itu ada-lah termasok memberikan butir2 keterangan tentang kegiatan persatuan dan jumlah ahli2 yang bergiat dalam persatuan itu."

Dengan itu, serba serbi tentang persatuan itu akan di-ketahui oleh pehak yang berkuasa sekalipun belum ada undang2 kawalan seni itu di-kemukakan.

Dia menegaskan bahawa persatuan-nya yang mempunyai kira2 100 orang peminat2 seni silat yang mengikuti kursus seni itu, mempunyai dasar sendiri bila mengambil ahli2.

Kata-nya, ahli2-nya di-tapis dahulu dan di-selidek latar belakang-nya sa-belum di-terima masok mengikuti kursus seni mempertahankan diri di-persatuan-nya.

"Mana2 yang kami anggap membahayakan atau mempunyai rekod2 jahat, kami tolak permohonan-nya dan ahli2 yang sudah di-terima masok tidak sunyi juga dari di-teliti kelakuan-nya agar tidak melanggar ketertipan seni itu."

Enche Victor Sim, setiausaha Persatuan Karate Singapura menyatakan bahawa ada-lah susah untok terus menentukan bahawa orang2 yang mengikuti sa-suatu seni mempertahankan diri itu akan terus hidup berdisiplin.

"Mereka, sa-lepas beberapa tahun menjadi ahli, boleh bertukar kelakuan sa-mada menjadi orang yang baik dan merendah diri atau menjadi orang yang jahat dan takabor," tegas-nya.

Keadaan ini bergantong kapada perawakan sa-sa-orang itu, kata-nya. "Dengan itu ada-lah susah untok benar2 menapis bahawa chuma orang2 yang jujor sahaja yang di-benarkan turut serta."

Bagaimanapun Enche Sim memberitahu bahawa persatuan-nya juga mempunyai sa-buah jawatankuasa disiplin yang meneliti sa-tiap pemohon dan ahli yang mengikuti kursus Karate dengan-nya.

### Disiplin

"Ahli2 atau pemohon2 yang kami dapati, sa-telah penyiasatan di-buat, tidak layak mengikuti kursus itu di-sebabkan oleh kelakuan yang tidak baik atau sa-bagai-nya, akan kami suroh berhenti."

22 NOV 1972

Tentang perkembangan seni Karate di-Singapura, dia menyatakan bahawa sa-buah badan – Gabongan Seni Silat Karate Singapura (SKF) – sudah di-bentok untok mengawal seni itu di-sini.

Badan ini juga menyiasat segala kelakuan tidak baik ahli2 Karate di-sini.

"Saranan supaya langkah2 di-ambil untok mengawal pertumbohan seni itu di-sini, sangat2-lah di-alu-